



KETUA PENGARAH
DIRECTOR GENERAL

JABATAN PERUMAHAN NEGARA
NATIONAL HOUSING DEPARTMENT

**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Ministry of Housing & Local Government

Aras 36,
No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100, Putrajaya

Telefon: 03-8000 8000
Faks : 03-8891 4088

**PEMAKLUMAN BERITA TULAR DI MEDIA ELEKTORNIK MENGENAI BORANG PRA
PERMOHONAN RUMAH SINARAN RAKYAT S-RESIDENT 2022-2023.**

Putrajaya 14 Februari 2021 - Jabatan Perumahan Negara (JPN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ingin memaklumkan berita yang tular di media elektronik mengenai Borang Pra Permohonan Rumah Sinaran Rakyat S-Resident 2022-2023 adalah **BUKAN** daripada Kementerian ini atau Jabatan-jabatan di bawah seliaan Kementerian ini. Semakan dengan Lembaga Perumahan Melaka dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Perumahan) juga mendapati kedua-dua pihak berkuasa perumahan di negeri-negeri tersebut tidak menawarkan skim atau produk seperti yang tular melalui aplikasi Whatsapp dan Google Form.

Sehubungan dengan itu, orang ramai adalah dinasihati agar tidak terpedaya atau tertipu dengan tawaran sedemikian dan sebaliknya merujuk kepada laman sesawang rasmi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu di <https://www.kpkt.gov.my> dan Jabatan Perumahan Negara di <https://ehome.kpkt.gov.my> bagi mendapatkan maklumat tepat mengenai skim-skim atau produk-produk perumahan di bawah seliaan JPN, KPKT.

Ketua Pengarah

Jabatan Perumahan Negara

Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

14 Februari 2021